

# UMP serius tangani gejala buang bayi - NC

MMC foto Kampus 26/01/11 (Rabu) ms: 26



SEBAHAGIAN pelajar sekolah sekitar Kuantan yang hadir pada program kempen Kami Prihatin bergambar berlatar belakang poster Kami Prihatin sambil meletakkan tangan di dada tanda prihatin di Universiti Malaysia Pahang (UMP), semalam.

KUANTAN 25 Jan. - Pelancaran kempen "Kami Prihatin" peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) di Universiti Malaysia Pahang (UMP) semalam merupakan pelengkap kepada usaha berterusan untuk membangkitkan keprihatinan masyarakat dan mahasiswa mengenai masalah pembuangan bayi.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, kempen sedemikian menunjukkan bahawa rakyat negara ini yang prihatin tidak sesekali memandang remeh mengenal gejala pembuangan bayi.

"Memang mudah bagi sesetengah pihak untuk sekadar memberi ulasan atau menuding jari kepada pihak yang lain mengenai isu ini.

"Namun begitu keprihatinan sebenar sepatutnya dipancarkan melalui inisiatif dan aktiviti yang menambah nilai kepada penyelesaian masalah ini," katanya.

Beliau berucap pada majlis pelancaran kempen "Kami Prihatin - Apakah Dosaku" peringkat institut pengajian tinggi (IPT) di Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini semalam.

Majlis yang dihadiri kira-kira 5,000 orang itu dirasmikan oleh isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Hadir sama, isteri Menteri Besar Pahang, Datin Seri Junaini Kasim; Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah.

Turut hadir, Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Aziz Ishak; Presiden Persatuan Karyawan Malaysia (Karyawan), Datuk Freddie Fernandez dan Pengarah Eksekutif Astro Entertainment Sdn. Bhd., Zainir Aminullah.

Pada majlis tersebut, pelbagai acara diadakan termasuk bacaan dan nyanyian puisi yang menyentuh perasaan yang disampaikan dengan penuh kesedaran oleh penuntut Universiti Utara Malaysia dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Turut sama menyampaikan persembahan puisi dan nyanyian ialah penyanyi terkenal tanah air, Kamilia Sarip.

Daing Nasir berkata, keutuhan institusi sosial bergantung kepada keberkesanan peranan warga universiti dalam menyampaikan mesej dan kesedaran kepada anggota masyarakat.

"UMP amat berbesar hati kerana berpeluang untuk turut memanfaatkan platform kempen Kami Prihatin yang diterajui secara bersama oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; akhbar *Utusan Malaysia*, *Persatuan Karyawan Malaysia* (Karyawan) dan *Astro*.

"Melalui kempen ini UMP dan rakan-rakan IPT meletakkan harapan besar untuk membina dan mengekalkan hubungan mesra pihak media dengan para cendekiawan, sasterawan, anggota masyarakat ke arah melahirkan komuniti yang sihat pada masa hadapan," katanya.